

Pelajar kena jangkitan kencing tikus meninggal

BH
7/9/16
MLS 15

→ Mangsa demam dua minggu selepas mandi di kawasan air terjun Jeram Mak Nenek, Selising

Oleh Nor Amalina Alias
bhkb@bh.com.my

▀ Pasir Puteh

Seorang pelajar Tingkatan Tiga meninggal dunia semalam akibat jangkitan kencing tikus selepas mandi di kawasan air terjun Jeram Mak Nenek, Selising, di sini, dua minggu lalu.

Muhammad Fikri Farizaq Mukhtar, 15, yang juga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pak Badol demam berlarutan selepas mandi di jeram itu bersama tiga lagi rakannya pada 27 Ogos lalu.

Bagaimanapun, difahamkan, tiga lagi rakan mangsa tidak terkena jangkitan kencing tikus itu.



[FOTO NOR AMALINA ALIAS/BH]

Jenazah Muhammad Fikri Farizaq (gambar kecil) dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Jerus, Pasir Puteh, semalam.

Ibu mangsa, Siti Rakiah Abu Hanifah, 46, berkata, anaknya demam selama empat hari sebelum dirujuk ke Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh.

Demam berlarutan

Katanya, anak bongsu daripada enam beradik itu pada mulanya disyaki demam denggi namun keadaan berlarutan sehingga menggigil, kurang selera makan dan muntah darah.

"Keadaannya semakin kritikal sejak semalam dan meninggal dunia jam 10 pagi tadi (semalam)," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Jerus, Selising, di sini, semalam.

Katanya, beliau dan suami, Mukhtar Awang, 58 dan keluarganya hanya mengetahui mangsa mandi di

Info

Tanda jangkitan kencing tikus

- Demam yang tinggi
- Sakit kepala
- Menggigil
- Sakit otot
- Muntah
- Jaundis (penyakit kuning)
- Radang mata
- Sakit perut
- Cirit-birit
- Batuk
- Ruam di kulit

jeram itu selepas diberitahu mangsa ketika mendapatkan rawatan di hospital.

"Beberapa hari sebelum meninggal arwah berubah sikap menjadi pendiam, kurang makan berbeza dengan perangai sebelum ini yang peramah dan berselera makan, selain kelihatan letih," katanya.

Pihak berkuasa bertindak

Beliau berharap pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya jika kawasan rekreasi itu dicemari virus kencing tikus selain menasihati pengunjung supaya berhati-hati dengan wabak penyakit itu.

Jenazah Muhammad Fikri dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Jerus jam 5 petang semalam.